



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI
INTRODUCTION TO ENTREPRENUERSHIP ETR300**

SEJOLI SERI ANDAMAN

PREPARED BY:

NORLEAWATI BINTI ZAINAL ABIDIN	97417131
SITI MARIAM BINTI MUSA	97198830
NOR AZLINA BINTI MANAP	97235860
NOR ROHIN BINTI AWALLUDIN	97102493
ASZERIANE ZAKARIA	97300889

25 MAC 2000

ISI KANDUANGAN**SURAT PENYERAHAN**

SEKAPUR SIRIH	ii
PENDAHULUAN	iii
LOGO PERNIAGAAN & HURAIAN	iv
SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	v
SURAT PERJANJIAN SEWA BANGUNAN	ix
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TUJUAN	2
3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	
3.1 Nama Pemegang Saham Ahli Syarikat	4
4.0 LATAR BELAKANG PEKONGSI	5
5.0 LATAR BELAKANG PROJEK	
5.1 Lokasi Tapak Projek	10
5.2 Kedudukan Fizikal	10
5.3 Bangunan	10
5.4 Kemudahan Asas	11
6.0 RANCANGAN ORGANISASI	
6.1 Matlamat & Stategi Jangka Pendek	12
6.2 Matlamat & Stategi Jangka Panjang	12
6.3 Struktur Organisasi	13
6.4 Senarai Kakitangan & Pengurusan	15
6.5 Deskripsi tugas	16
6.6 Skim Insentif Kakitangan	22
6.7 Belanja Pentadbiran	23



PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah
Peti Surat 187
08400 Merbok
Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300
Fax: 04-457 4355

Surat Kami : 500-KDH(MEDC. 15/2/1)
Tarikh : *20/02/2000*

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

- | | | |
|----|----------------------------|------------|
| 1. | NOORLEWATI BT JAHAL ABIDIN | (97447481) |
| 2. | SRI MARIAM BT AHMAD | (97198830) |
| 3. | NOOR AZLINA BT MANSAP | (97235860) |
| 4. | NOOR ROHIN BT AWALUDIN | (97102493) |
| 5. | PRISCERIANE BT SACCARIA | (97300889) |

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

MOHD. AZHAR OSMAN
Koordinator
b/p. Provos

PENDAHULUAN

Assalamualaikum W.B.T,

Manajatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya dapat juga kami menyiapkan dan mempersesembahkan rancangan perniagaan ini dengan sebaik mungkin mengikut kemampuan yang ada pada diri kami.

Seperti apa yang kita ketahui, bidang periagaan dan keusahawanan merupakan satu cabang ekonomi yang memerlukan ketabahan, kegigihan, kecekalan dan kesungguhan yang tinggi untuk dilaksanakannya. Selain daripada mempunyai keyakinan diri dan semangat yang tinggi, seseorang usahawan itu haruslah kreatif, peka serta bijak mengambil peluang yang sedia ada.

Namun begitu, dalam meraih sesuatu kejayaan seseorang usahawan itu mestilah menjalankan perniagaan mengikut lunas-lunas yang telah ditentukan tanpa mengabaikan hak dan keadilan manusia sejagat. Oleh yang demikian, kami telah bersepakat untuk memilih dan mengusahakan perniagaan SEJOLI SERI ANDAMAN yang berkonseptan pakaian pengantin untuk lelaki dan perempuan yang memerlukan khidmat kami memandangkan bidang ini memperlihatkan masa depan yang cerah serta berpotensi untuk terus maju dan terus berkembang.

Walaupun pada mulanya kami bakal menerima risiko ekoran daripada perniagaan ini, tetapi kami percaya dengan berbekalkn pengetahuan dan kemahiran, kami percaya perniagaan kami mampu memberikan

perkhidmatan yang terbaik sekaligus dapat mengembangkan sayap perniagaan ini. Malah kepadatan penduduk di sekitar kawasan Aman Jaya menjadi sasaran utama dalam memberikan tindak balas ke atas perniagaan kami.

Dengan harapan serta semangat yang tinggi, kami yakin perniagaan kami ini dapat dijadikan contoh kepada usahawan-usahawan baru khususnya pada bumiputra yang ingin menceburi bidang perniagaan selain daripada mewujudkan persaingan yang sihat ke atas pengusaha-pengusaha lain, seterusnya dapat memartabatkan usahawan bumiputra di masa-masa akan datang. Sekian, wassalam.

1.0 PENGENALAN

Perniagaan kami adalah sejenis perniagaan perkongsian dimana terdiri daripada lima orang ahli kongsi. Perniagaan kami ini adalah berasaskan pusat pakaian pengantin dan aksesori pengantin.

Perniagaan ini akan bermula pada 1 januari 2005. Perkhidmatan kami adalah menjurus kepada perkhidmatan menyewa pakaian pengantin dan aksesori pengantin. Pakaian yang kami sediakan juga adalah mengikut fesyen semasa. Kami juga ada menawarkan pakej-pakej dengan harga yang berpatutan dan menarik.

Sasaran utama kami adalah mereka yang ingin melangsungkan perkahwinan. Walaupun kami tahu perniagaan yang kami jalankan ini adalah mengikut musim tertentu, kami akan cuba memaksimakan keuntungan pada musim tersebut. Dan pada hari-hari biasa kami akan lebih menumpukan lebih kepada promosi untuk menarik lebih ramai pelanggan.

Disini, kami mempunyai keyakinan bahawa perniagaan kami ini mempunyai masa depan yang cerah, selaras dengan perkembangan yang semakin mampan, bilangan penduduk yang semakin meningkat dan lokasi kami yang strategi.